

FALSAFAH PENGURUSAN DALAM ISLAM

oleh

[Nik Mustapha Hj. Nik Hassan]
Fellow Kanan IKIM

1. PENDEKATAN FALSAFAH ISLAM

Perkataan 'Islam' membawa erti penyerahan dan pengabdian. Sebagai 'deen', Islam merupakan penyerahan dan pengabdian sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Perkataan 'Islam' juga boleh diertikan sebagai ketenangan. Ketenangan yang sejati kepada manusia mengikut Islam akan mengarah kepada kecemerlangan melalui pengabdian dengan sepenuhnya kepada Allah s.w.t.

Allah berfirman dengan maksud,

"Iaitu orang-orang yang beriman dan yang senang hatinya dengan mengingatkan Allah. Ketahuilah, bahawa dengan mengingat Allah itu, senanglah hati manusia. Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih, untuk mereka itu kebaikan dan sebaik-baik tempat kembali (syurga)."

[Ar-ra'du : 28 - 29]

Islam sebagai 'deen' merupakan satu cara hidup yang lengkap serta komprehensif. Ia mencakup segala aspek pengendalian hidup untuk individu, masyarakat dan negara. Islam diasaskan kepada keesa'an hanya kepada Allah s.w.t. Bahkan manusia diciptakan semata-mata untuk menghayati hidup untuk mendapat keredaan Allah s.w.t.

Allah berfirman dengan maksud,

"Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah Aku".

[Al-Dhariyat : 56]

Ayat ini merujuk kepada keesaan Allah s.w.t. atau tauhid, dan sekaligus menjadi asas falsafah Islam. Keyakinan kepada kepercayaan ini mempunyai implikasi yang besar terhadap kehidupan manusia. Kehidupan dan gelagat manusia sebagai individu dan kehidupan manusia berorganisasi dan bermasyarakat sudah pasti dipengaruhi oleh kepercayaan ini. Bahkan falsafah dan sikap hidup manusia dipengaruhi oleh kepercayaan yang diyakini dan dianutinya.

Penjelasan falsafah bagi satu sistem itu sangatlah penting. Falsafah adalah "guiding principle" bagi sesuatu sistem itu. Dari asas falsafah akan terbentuk corak pendekatan sesuatu sistem itu. Ia juga akan mempengaruhi pembentukan struktur sistem tersebut dan seterusnya melahirkan mekanisme yang menyokong semangat falsafah tersebut. Kalau kita mengambil pokok sebagai analogi, akar pokok adalah falsafah. Dahan pokok adalah sistem dan ranting pokok adalah mekanisme untuk sistem beroperasi.

Mengikut Al-Quran, Allah s.w.t. telah menentukan undang-undang untuk kesemua kejadianNya dan kesemua dengan patuhnya mengikut undang-undang itu tanpa pilihan membantah, melainkan manusia. Manusia dikurniakan Allah akal, dan dengan akal manusia mempunyai kebebasan samada untuk mengikut undang-undang tabii atau mengingkari mereka. Tujuan diturunkan agama melalui Rasul-Rasul mengikut Islam adalah untuk menjelaskan undang-undang tabii dan kesemua manusia dikehendaki menghayati peraturan tersebut.

Dengan mendukung falsafah tauhid, Islam berpandangan bahawa faktor-faktor yang terdapat dalam diri manusia hendaklah berada dalam satu kesatuan. Dengan itu kesempurnaan keperibadian seseorang manusia itu akan tercapai jikalau kesemua faktor-faktor dalam diri manusia itu diberi penumpuan dengan sepenuhnya tanpa mengecuali satu pun. Justeru itu keperluan kebendaan dan kerohanian manusia hendaklah dipenuhi dalam bentuk yang bersepadu.

Falsafah tauhid juga menganjurkan kesatuan dalam ilmu pengetahuan untuk mendidik manusia. Oleh kerana kesemua kejadian di dunia ini saling perlu memerlukan di antara satu sama lain dan mempunyai matlamat yang satu, kesemua bidang dalam ilmu pengetahuan sepatutnya berfungsi dalam satu kesatuan dan mempunyai matlamat yang juga satu.

Mengikut Islam, manusia akan dapat manfa'at dari ilmu pengetahuan yang diterokainya melalui penyatuan matlamat kesemua bidang ilmu dan tidak dengan memisahkan tujuan bidang-bidang ilmu secara berasingan.

Falsafah tauhid juga mengajar manusia supaya memiliki kesatuan matlamat (*unity or purpose*) dalam segala urusan kegiatan manusia termasuk pengurusan. Dengan kata lain, Islam menganjurkan bahawa setiap kegiatan manusia adalah berusaha untuk menegak kebenaran semoga semangat keadilan dapat disebatikan dalam kesemua tindak tanduk manusia. Keadilan adalah asas dalam berurusan sesama manusia.

Tamadun kebendaan barat disebaliknya diasaskan kepada falsafah yang jelas berbeza dengan Islam. Ia diasaskan kepada keyakinan terhadap humanisme (humanism) dan modernism (modernism). Humanisme adalah konsep yang mengagongkan kemampuan dan kewibawaan manusia, tanpa memerlukan Panduan (Guidance) daripada Allah.

*"The rationale of humanism, a concept which originated in Athens but became an international faith, is to reintroduce the elements of nobility and genuineness to mankind."*¹

Modernisme pula adalah penentang hebat kepada agama. Ia bermula di zaman European Renaissance dan berkembang maju dalam abad ke-19 oleh Darwin, Marx dan Freud.² Modernisme ujud dalam beberapa rupa sistem yang berasingan - Komunisme, Socialisme, Kapitalisme, Pragmatisme dan Zionisme. Rukun terpenting modernisme ialah penolakan terhadap ujudnya Hari Akhirat. Penolakan ini diasaskan kepada peri pentingnya kejayaan dunia dalam pengumpulan harta dan kekayaan.

Freud (1859 - 1939) salah seorang pengasas kepada falsafah kebendaan menolak terhadap kepercayaan kepada agama. Ia menjelaskan:

¹ Ali Shariati, Islamic View of Man, Free Islamic Literatures, inc. Houston, Texas U.S.A., 1979.

² Maryam Jameelah, Islam and Modernism, Lahore, Pakistan, Pakistan, 1968.

*"It seems not to be true that there is a Power in the universe which watches over the well-being of every individual with parental care, bringing all within His Fold to a happy ending. On the contrary destinies of men are incompatible with any universal principles of justice."*³

Seterusnya Freud menyatakan:

*"Darks, unfeeling and involving powers determine human destiny; the concept of divine justice, which, according to religion rules the world, seems to have no existence. No attempt to minimize the supremacy of science can alter the fact that it takes into account our independence on the real, internal world while religion is only a childish illusion deriving its strength from the fact that it happens to fall in our instinctual desires."*⁴

Karl Marx, pengasas sistem komunis pula menyatakan:

*"All aspects of the human history, society and culture are the result of economic factors, the individual being nothing more than a product of his immediate surroundings and that through a progressive improvement in the material environment, a perfect society will inevitably emerge."*⁵

Marx menyarankan betapa pentingnya faktor-faktor ekonomi dalam mempengaruhi kehidupan individu dan masyarakat. Marx memajukan falsafah "dialectical materialism" sebagai asas falsafah sistem Marxisme. Falsafah "dialectical materialism" menganjurkan bahawa perubahan dalam "modes of production" (cara-cara proses pengeluaran) akan mengakibatkan kepada perubahan struktur masyarakat seperti politik, perundangan dan sebagainya.

³ _____, Freud : Great Thinkers of the Western World", Encyclopedia Britannica.

⁴ Ibid.

⁵ _____, Makers of the Modern Mind, Randall Columbia University Press, New York, 1930.

Marx berpandangan dengan berubahnya cara proses pengeluaran ia akan mengubah cara bagaimana ahli masyarakat bekerja. Keadaan ini akan mengubah struktur perhubungan dalam masyarakat.

Adam Smith (1723 - 84) pelopor dan bapa kepada sistem Ekonomi Kapitalis menjelaskan:

*"Society is not conceived as a static achievement of mankind which will go on reproducing itself, unchanged and unchanging, from one generation to the next. On the contrary, society is seem as an organism which has its own life history. To discover the shape of things to come, to isolate the forces which impel society along its path - this is the grand objective of economic science."*⁶

Smith menerangkan undang-undang di pasar adalah yang terpenting dalam menentukan sesuatu masyarakat itu. katanya:

*"For the laws of the market themselves will be integral part of the larger laws which cause society to prosper or decay. The mechanism by which the heedless individual is kept in line with everybody else will affect the mechanism by which society itself changes over the years."*⁷

Undang-undang pasar (Law of the Market) yang dianjurkan oleh Smith adalah ringkas. Sifat mementingkan diri (self-interest) yang terdapat dalam manusia akan memberangsang seseorang individu kepada persaingan dalam pengeluaran barangan kepada masyarakat, jumlah kuantiti yang masyarakat perlu dan paras harga yang sanggup dibayar oleh masyarakat.⁸ Sifat mementingkan diri ini yang menjadi daya penggerak utama atau faktor yang seterusnya meujudkan sistem ekonomi kapitalis.

⁶ Robert L. Heilbroner, The Worldly Philosophers, Simon and schuster, New York, 1967.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

*"It is not from the benevolent of the butcher the brewer, or the baker that we expect our dinner, but from their regard to their self-interest. We address ourselves, not to their humanity, but to their self-love, and never talk to them of our necessities, but of their advantages,"*⁹ kata Smith.

Falsafah yang melihat manusia sebagai kejadian yang diasaskan kepada mementingkan diri, melahirkan konsep "manusia ekonomi", iaitu manusia yang mana gelagatnya akan bergantung kepada pengiraan dan perhitungan dengan teliti dan berhati-hati ke arah pencapaian kejayaan ekonomi. Kejayaan ekonomi mengikut fahaman kapitalisme boleh ditakrifkan sebagai memperolehi kekayaan dengan kadar yang maksima dari tindakan manusia. Pencapaian di dalam pemilikan harta samada berbentuk wang atau barangan adalah merupakan matlamat utama dalam kehidupan seseorang individu itu.

Pandangan hidup yang berasaskan faktor kebendaan dan menolak agama seperti di atas mempengaruhi asas pengurusan Barat dan Jepun pada masa ini. Pandangan hidup Barat, terutama masyarakat Amerika diasaskan kepada kepentingan nilai individualisme dan kebebasan hidup individu. Ini sangat berbeza dengan pandangan hidup masyarakat Jepun di mana asas kehidupan mereka didasarkan kepada kepentingan kejayaan kelompok atau kumpulan. Tetapi walaupun ada perbezaan cara beroperasi kedua-dua pendekatan ini menyakini bahawa kecemerlangan dapat dicapai melalui kejayaan pembangunan faktor ekonomi sahaja.

Kepada masyarakat Amerika prestasi kerja yang diasaskan kepada inisiatif individu adalah ideal. Bagi masyarakat Jepun, kekuatan pekerja bergantung kepada pengorbanan dan kemampuan seseorang tersebut berinteraksi secara intim dengan kumpulan kerja dalam sesebuah organisasi. Kejayaan prestasi kerja adalah hasil usaha kumpulan bukan melalui usaha individu.

Masyarakat Amerika berkeyakinan dan menyanjung tinggi bahawa keusahawanan individu serta kejayaan individu mengumpul harta dan kemasyhuran yang diperolehi melalui

⁹ Ibid.

usaha seseorang adalah matlamat hidup yang berjaya. Jelas berbeza dengan pandangan hidup majoriti masyarakat Jepun bahawa adalah suatu kemustahilan bagi seseorang individu memperoleh kejayaan secara bersendirian tanpa melibatkan usaha secara berkumpulan dan berkelompok. Tugas hanya dapat dihasil secara berkesan serta efektif melalui usaha berkumpulan.

Kaedah pendekatan pengurusan dalam masyarakat Jepun oleh itu bergantung dengan tegas kepada penentangan pandangan hidup yang berasas nilai individualisme masyarakat Barat. Tradisi kefahaman masyarakat Jepun menyakini bahawa kehidupan bermasyarakat adalah lebih menjamin kepada kejayaan daripada keutamaan hidup secara individu. Keutamaan kepada hidup berkelompok ini mendasari pendekatan pengurusan Jepun.

Mikio Sumiya berpandangan bahawa hidup berkumpulan tidak dibentuk untuk kepentingan individu. Sebaliknya mengikut beliau,

"Rather, the interest of the group takes precedence over the interest of its members and as a result the individual's pattern of behaviour remain group centered".¹⁰

(Kepentingan kumpulan mengatasi kepentingan ahli-ahlinya dan hasilnya corak gelagat individu kekal berpusatkan kumpulan).

Hasil kepada pandangan hidup yang menumpu kepada kepentingan kumpulan, pengurusan Jepun memperkenalkan satu mekanisme yang dinamakan '**kumpulan kualiti**' (*Quality Circle*). Melalui pendekatan '*quality circle*' yang diperkenalkan di Jepun pada 1962, mutu pengeluaran dapat ditingkatkan. Pendekatan ini bersesuaian dengan aspirasi hidup pekerja Jepun yang menumpu kepada semangat setiakawan yang memberi peluang untuk kesemua pekerja terlibat dan memberi pandangan dalam proses membuat keputusan (*participative management*).

¹⁰ Sumiya, Mikio, "Contemporary Arrangements - An Overview" in Workers and Employers in Japan, The Japanese Relation System, (Ed.) Kazuo Okochi, Bernard Karsh and Solomon Levine, Princeton University Press and University of Tokyo Press, Tokyo, 1973, P 62.

Melalui pendekatan '*participative management*' dan penekanan kepada peningkatan kualiti penghasilan secara berterusan (*Kaizen*), sejumlah US\$20 - US\$25 billion dapat dijimatkan pada tiap-tiap tahun di Jepun mengikut *Junji Nozuchi*.¹¹

Pada 1969, Konferen Antarabangsa Pertama Pengawasan Kualiti dianjurkan di Jepun. Setahun kemudian Persatuan Pengawasan kualiti ditubuhkan untuk mengeratkan kerjasama di antara Industri Jepun dengan sektor akademik. Hasil dari usaha mengharmonikan kesemua sektor yang relevan, ekonomi Jepun berjaya mencatat kejayaan prestasi pengeluaran ekonomi mereka.

2. ISLAM DAN PENGURUSAN

Pengurusan adalah satu proses penyusunan sesebuah organisasi, institusi atau negara untuk mencapai matlamat tertentu. Pelaksanaan proses ini mengkehendaki kerjasama ke semua golongan terbabit seperti pengurus/pentadbir dan kakitangan, pemerintah dan rakyat, demi untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

Di samping itu, Islam diutus Allah (s.w.t) untuk menyusun kehidupan manusia di peringkat individu dan masyarakat semoga mencapai kemakmuran dan kecemerlangan hidup di dunia dan seterusnya di akhirat. Penumpuan kepada usaha mendidik individu dan menyusun masyarakat di peringkat awal adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang berguna dan mengatur sistem hidup masyarakat semoga dapat berfungsi dengan baik dan sekaligus mengurangkan segala bentuk permasalahan. Penyelesaian Islam bukanlah timbul akibat dari kegagalan sistem semasa yang menimbulkan beberapa permasalahan yang dihadapi oleh manusia, tetapi Allah mengarahkan umat manusia pada awal lagi supaya dididik dan disusun menepati fitrah kemanusiaan. Natijah dari proses penyusunan yang baik ini memerlukan kepada suatu sistem pengurusan yang mantap demi membawa kepada wujudnya sebuah tamadun yang mulia.

¹¹ Ingle, Sud, Quality Circles Master Guide, Printice Hall of India Private Ltd., New Delhi, 1985, P 3.

Bagi usaha ke arah mewujudkan penyusunan organisasi atau negara menepati Islam, ia memerlukan kepada satu metodologi pendekatan yang sesuai dan praktikal. Proses perubahan ke arah mencapai kejayaan hendaklah melalui penerapan nilai tauhid kepada falsafah dan roh sistem yang sedia ada. Islam tidak mengesyorkan bentuk, mekanisme dan kegiatan organisasi atau negara yang sedang beroperasi dihapuskan, melainkan kegiatan tersebut jelas bertentangan dengan Syariah Islam. Islam hanya mengutarakan garis panduan dan mengambil kira suasana dan budaya persekitaran.

Dalam proses pengurusan, manusia yang menganggotai sesebuah organisasi diberi keutamaan. Begitu juga rakyat dalam sesebuah negara. Manusia pada fitrahnya memiliki sifat makhluk individu dan makhluk sosial. Untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam ke semua usaha, memahami hakikat ini sangatlah perlu.

Sifat makhluk individu menonjolkan bahawa setiap individu berkeinginan untuk menjaga kepentingan diri. Di samping itu sebagai makhluk sosial pada lumrahnya manusia memerlukan di antara satu sama lain dalam mengatur tugas dalam organisasi dan kehidupan bermasyarakat dalam negara. Pendekatan Islam mengemukakan usaha dan tindakan yang mengharmonikan kepentingan individu dan tanggungjawab organisasi atau sosial demi ke arah pencapaian kebajikan masyarakat organisasi dan negara keseluruhannya.

Untuk menjayakan keharmonian ini di peringkat individu, Islam mengutamakan pendidikan akhlak semoga sahsiah (*personality*) individu dapat dibentuk dengan memiliki sikap yang positif dan mengamal perilaku yang mulia. Usaha ini perlu kepada pendidikan yang dapat membantu kefahaman dan menjalani latihan 'spiritual' semoga tindak tanduk yang negatif dapat dikurangkan. Akhlak dan perilaku individu sepatutnya mengarah kepada tanggungjawab individu untuk menghayati segala nilai dan semangat keadilan dalam kesemua urusan pengendalian organisasi atau masyarakat. Pendidikan akhlak dengan itu dapat membentuk sikap yang mulia dan positif.

Di samping itu, Islam turut memberi penumpuan kepada peningkatan daya kemahiran dan kepakaran individu pekerja dalam sesebuah organisasi. Organisasi dengan itu mesti menganggap pekerja sebagai sumber yang terpenting dan sanggup melabur kepada

peningkatan kepakaran mereka. Individu yang hendak dibangun mesti memiliki kedua-dua ciri ini, iaitu sikap yang murni melalui pendidikan akhlak dan daya kepakaran yang tinggi di peringkat tahap pekerjaan masing-masing. Tanpa kedua-dua ciri ini, kejayaan sesebuah organisasi adalah dalam tahap yang rendah. Bahkan hanya memiliki salah satu dari ciri ini tidak mungkin membawa kepada kejayaan yang membanggakan.

Sifat mementing diri adalah daya penggerak yang akan dapat memberi sumbangan positif kepada kemajuan sesebuah organisasi atau masyarakat jika sifat tersebut dapat dididik dan diletak pada tempatnya. Tanpa sifat ini tidak mungkin manusia akan berusaha dengan gigih demi mencapai kejayaan diri. Bahkan sifat tersebut pada fitrah terdapat dalam diri manusia. Justeru itu bagi Islam daya usaha dan kreativiti seseorang individu akan dapat dijayakan jika sistem organisasi dan negara memberi ruang yang secukupnya kepada kebebasan usaha individu. Islam hanya memberi panduan melalui tanggungjawab keagamaan yang perlu dilaksanakan demi kebajikan masyarakat. Di samping itu Islam memberi penekanan kepada pendidikan dan latihan 'spiritual' moga-moga sifat mementing diri dapat diletak pada tempat yang sebenar. Dengan pendekatan ini Islam berkeyakinan bahawa, sikap serta perilaku individu akan berbentuk positif dan optimis.

Hasil dari keyakinan kepada kedudukan individu dalam sistem penyusunan organisasi atau negara, Islam dengan itu memberi keutamaan kepada pembangunan sumber manusia secara menyeluruh semoga dapat mempertingkatkan daya kepakaran dengan disertai nilai akhlak yang mulia. Dalam sistem penyusunan organisasi, ruang untuk individu berusaha serta membuat keputusan perlulah diperluaskan. Struktur membuat keputusan organisasi dengan itu akan diagihkan ke bahagian dan unit tertentu mengikut keperluan dan bidang tugas yang relevan.

Di peringkat negara, semangat perluasan ruang untuk sektor individu atau swasta berperanan dalam penyusunan dan kegiatan negara turut serta memmanifestasikan bahawa Islam berkeyakinan penuh kepada inisiatif individu dalam sektor swasta. Sektor swasta mendapat kedudukan yang utama dalam menggerakkan perjalanan kegiatan pembangunan negara. Adalah kenyataan bahawa sektor swasta yang peka dengan tanggungjawab kepada masyarakat (*social responsibility*) akan dapat menerajui masyarakat ke arah kecemerlangan. Masyarakat

penyayang akan dapat diwujudkan apabila golongan individu di atas mengambil inisiatif sendiri dengan galakan pemerintah dapat berfungsi secara kolektif menangani masalah masyarakat.

Begitu sepatutnya semangat tolong menolong dan budaya bekerja secara berpasukan perlu diwujudkan dalam sesebuah organisasi. Semangat kerja berpasukan dengan sekaligus dapat melaksanakan mekanisme syura atau perbincangan dalam menangani sesuatu tugas dan di samping itu dapat mengurangkan kerenah pekerja dalam menjalani tugas organisasi. Kecemerlangan dalam menghasilkan produktiviti dan kualiti tugas adalah natijah dari memiliki '*world view*' tersebut yang dapat diterjemahkan dalam prinsip pengurusan dan penyusunan organisasi.

Hasil dari menerajui pengurusan mengikut perspektif di atas semangat keadilan akan dapat diterapkan dalam pengurusan organisasi dan negara. Pelaksanaan roh keadilan dalam pengurusan akan memperkukuhkan lagi suasana dan budaya muafakat dalam segala bentuk urusan tugas dan tanggungjawab. Bahkan kemuncak kepada wujudnya prinsip keadilan bagi sesebuah organisasi dan negara akan menghasilkan kejayaan yang cemerlang dalam bentuk produktiviti dan kualiti kerja pekerja dan aktiviti rakyat.

3. KUALITI DALAM PENGURUSAN

Terdapat beberapa faktor yang perlu berperanan untuk menentukan kejayaan pengurusan sesebuah institusi atau organisasi. Faktor-faktor tersebut berkait rapat di antara satu sama lain dan dengan wujudnya faktor-faktor tersebut sesebuah organisasi akan mampu menempa kejayaan.

Pertama, sikap pemimpin dalam sesebuah organisasi. Pemimpin seharusnya menganggap peluang untuk memimpin sesebuah organisasi itu sebagai satu amanah untuk menerajui organisasi tersebut mencapai ke taraf yang paling cemerlang. Justeru itu pemimpin harus memiliki wawasan yang jauh, bersikap dinamik dan sentiasa berusaha memajukan organisasi. Kejujuran dan keikhlasan pemimpin dengan amanah tersebut adalah asas penting.

Pemimpin yang jujur akan mengorbankan tenaganya untuk memperbaiki prestasi organisasi secara berterusan. Ia bukan sekadar menjaga 'status quo' tetapi sebaliknya berjihad untuk membuat pembaruan ke arah kebaikan.

Kegagalan sesebuah organisasi itu kebanyakan disebabkan oleh pemimpin yang tidak jujur, yang mengutamakan kepentingan peribadi di atas kepentingan organisasi. Sikap negatif yang demikian banyak menimbulkan gejala dalam prestasi organisasi dalam sesebuah negara. Sikap negatif tidak boleh dibendung jika masyarakat dan negara mahu mencapai kemajuan. Bahkan usaha mempertahankan ketidakjujuran pemimpin adalah dosa besar.

Pemimpin juga harus mempunyai anggapan bahawa kualiti adalah sebagai nilai positif yang mampu sentiasa dimajukan. Pandangan tersebut memerlukan kepada usaha mewujudkan satu budaya - iaitu aliran pemikiran, perasaan dan cara bekerja dalam sesebuah organisasi tersebut semoga mempertingkatkan kualiti perkhidmatan adalah usaha yang berterusan untuk ke semua lapisan pekerja.

Untuk mewujudkan budaya tersebut tidak memadai pemimpin mempunyai sikap positif terhadap kualiti tetapi sekaligus ia memerlukan kemampuan memimpin yang berbentuk inovatif dan kreatif semoga anggapan positif terhadap kualiti dapat diterjemahkan menjadi satu budaya yang sihat dalam organisasi tersebut.

Pemimpin juga seharusnya memiliki sikap yang positif terhadap keperluan menjayakan pencapaian kebajikan kepada ke semua lapisan pekerja. Mementing kebajikan pekerja adalah satu ciri yang akan membawa kepada prestasi kejayaan organisasi tersebut. Pekerja adalah pelaksana rancangan organisasi. Jika semangat bekerja di kalangan pekerja menurun sudah pasti prestasi yang berkualiti sukar dapat dihasilkan oleh pekerja. Faktor kemanusiaan mesti mendapat pembinaan yang baik kerana kejayaan organisasi mampu dicapai oleh kejayaan faktor kemanusiaan dan bukan faktor kemajuan teknologi sahaja. Bahkan tidak akan terdapat kemajuan teknologi tanpa penyelesaian persoalan kemanusiaan pekerja.

Islam melihat gulungan pekerja sebagai saudara dan rakan kongsi kepada majikan dan barisan pemimpin. Oleh itu gabungan yang padu perlu dipereratkan dengan memberi

penekanan kepada kebajikan yang hak kepada golongan pekerja oleh majikan dan pimpinan organisasi.

Kedua, sikap pekerja dalam sesebuah organisasi. Pekerja sebagai pelaksana tugas mesti mempunyai sikap yang positif terhadap tugas yang diamanahkan. Hatta mereka perlu mencintai kepada kerja dan sentiasa ingin berusaha meningkat prestasi tugas semoga mencapai kualiti yang bermutu tinggi. Dalam Islam kualiti kerja adalah tuntutan agama. Islam meletakkan kedudukan yang penting kepada kerja. Melaksana kerja dengan baik dan bermutu adalah ibadah. Bahkan sumber pendapatan dari hasil pekerjaan yang halal, adalah sumber rezeki yang mulia.

Pekerja perlu meyakini bahawa kualiti prestasi pekerjaan mereka sentiasa dan mampu dipertingkatkan dari masa ke masa. Sikap positif terhadap mutu pekerjaan ini perlu dibentuk semoga usaha mempertingkatkan mutu menjadi satu budaya kerja. Pekerja perlu memiliki daya usaha dan daya kreatif ke arah pencapaian matlamat tersebut.

Usaha pekerja dalam menghasilkan mutu kualiti yang tinggi dalam tugas mereka akan dapat dijayakan dengan memberi penekanan yang penting kepada wujudnya semangat dan suasana '*teamwork*' atau kerja berpasukan. Kejayaan menghasilkan kerja yang bermutu pada lazimnya hanya akan diperolehi melalui usaha bersama di kalangan pekerja. Setiap pekerja mempunyai kelebihan masing-masing. Pengembelengan ke semua tenaga pekerja dengan baik adalah sangat penting.

Ketiga, ialah sistem penyusunan struktur organisasi. Rata-rata organisasi dapat mempertingkat prestasi jika ia dapat disusun semoga mendukung matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi tersebut. Kemampuan pemimpin organisasi menyusun struktur organisasi dengan baik memerlukan kepakaran yang tertentu. Struktur tersebut tidak statik. Ia boleh sentiasa diubah suai mengikut matlamat organisasi yang mungkin berubah dan juga faktor dalaman yang ada dalam sesebuah organisasi tersebut.

Dalam usaha menyusun struktur organisasi, organisasi tersebut perlu memiliki matlamat dan objektif yang jelas yang mudah difahami dan dihayati oleh semua lapisan dan

gulungan pimpinan dan gulungan pekerja. Program dan bentuk kerja perlu digubal menepati matlamat organisasi. Kadang kala sesebuah organisasi dapat menyenaraikan matlamat yang baik, tetapi pencapaian matlamat tersebut gagal dicapai kerana pemimpin organisasi tidak berkemampuan menterjemah dalam bentuk program kerja yang baik. Kelemahan tersebut rata-rata membantuk kemajuan sesebuah organisasi.

Di samping berhasil mewujudkan matlamat dan disertai dengan struktur organisasi, sesebuah organisasi perlu mampu menyusun pembahagian tugas semoga setiap ahli pekerja organisasi dapat berperanan secara berkesan untuk menjayakan matlamat organisasi. Menepati semangat '*team work*' yang perlu dibentuk, penyusunan kerja perlu mengarah kepada matlamat tersebut. Setiap pekerja mesti menerima bidang tugas dengan jelas semoga ekspektasi majikan terhadapnya secara khusus dapat dijayakan.

Sistem organisasi juga perlu memiliki mekanisme membuat keputusan berasaskan semangat musyawarah (mewujudkan suasana perbincangan dalam membuat segala keputusan). Semangat musyawarah memerlukan kepada struktur membuat keputusan diagihkan kepada beberapa bahagian. Membuat keputusan tidak dipusatkan hanya kepada ketua organisasi bahkan diberi juga kuasa dan peluang kepada pegawai dan pekerja bawahan. Susunan tersebut mewujudkan kelicinan dan kecekapan perjalanan kegiatan organisasi. Di samping itu sistem untuk mengawal dan menyeragamkan keputusan perlu dibangun bersama dengan semangat tersebut.

Pada akhirnya, menepati semangat perlu kepada pencapaian kualiti yang pada konsep berbentuk dinamik, sesebuah organisasi mesti mampu menyediakan sistem untuk menilai kualiti kerja yang dihasilkan oleh pekerja. Mekanisme pengukuran kualiti kerja perlu dibentuk semoga kualiti perkhidmatan dan barangan dapat ditingkat dari masa ke semasa. Sebarang kekeliruan perlu diminima dalam membentuk sistem mengukur prestasi pekerja.

Penjelasan di atas dengan sekaligus memperakukan bahawa kualiti penghasilan perkhidmatan dan barangan adalah menjadi alat ke arah peningkatan kualiti hidup kemanusiaan dan bukan sebagai matlamat terakhir yang perlu diusaha dan dikejar oleh masyarakat secara berterusan.

4. PENUTUP

Falsafah pengurusan Islam mempunyai kaitan yang rapat dengan semangat pengabdian manusia sepenuhnya kepada Pencipta, Allah s.w.t. Asas ini ialah tauhid. Pendekatan ini bersesuaian dengan nilai kemanusiaan.

Islam berkeyakinan kesemua urusan manusia termasuk pengurusan akan membawa kepada hasil yang cemerlang pada hakikat yang sebenar dan berkekalan jika ia menepati nilai kemanusiaan. Justeru itu penghayatan kepada nilai tauhid menepati fitrah kemanusiaan.

Fitrah kemanusiaan adalah nilai yang akan sentiasa berkekalan selagi manusia tetap manusia. Hanya struktur dan mekanisme pengurusan yang dinamik bersesuaian dengan keadaan perubahan masa dan tempat perlu sentiasa diubah suai jika perlu.